



NEGERI SELANGOR

**Warta Kerajaan**  
DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF SELANGOR GAZETTE*  
*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

Jil. 75  
No. 8

**21hb Februari 2022**

*TAMBAHAN No. 5  
PERUNDANGAN*

---

---

**Sel. P.U. 11.**

**ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM  
(NEGERI SELANGOR) 2003**

**PERATURAN-PERATURAN PENDAFTARAN, PEMULIHAN DAN PENGAWALAN *Riqab*  
(NEGERI SELANGOR) 2022**

---

**SUSUNAN PERATURAN-PERATURAN**

---

**BAHAGIAN I**

**PERMULAAN**

Peraturan

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Pemakaian
3. Tafsiran

**BAHAGIAN II**

**JAWATANKUASA *Riqab***

4. Penubuhan Jawatankuasa *Riqab*
5. Keanggotaan Jawatankuasa *Riqab*
6. Tempoh pelantikan anggota Jawatankuasa *Riqab*
7. Penamatan pelantikan anggota Jawatankuasa *Riqab*
8. Pembatalan pelantikan anggota Jawatankuasa *Riqab*
9. Pelantikan anggota gantian Jawatankuasa *Riqab*
10. Fungsi Jawatankuasa *Riqab*
11. Memanggil mesyuarat
12. Mesyuarat Jawatankuasa *Riqab*
13. Kuorum
14. Notis
15. Kehadiran wakil
16. Kehadiran bukan anggota dalam mesyuarat Jawatankuasa *Riqab*
17. Minit
18. Elaun Jawatankuasa *Riqab*

### BAHAGIAN III

#### LEMBAGA PELAWAT *RIQAB*

Peraturan

19. Penubuhan Lembaga Pelawat *Riqab*
20. Keanggotaan Lembaga Pelawat *Riqab*
21. Tempoh pelantikan anggota Lembaga Pelawat *Riqab*
22. Penamatan pelantikan anggota Lembaga Pelawat *Riqab*
23. Pembatalan pelantikan anggota Lembaga Pelawat *Riqab*
24. Pelantikan anggota gantian Lembaga Pelawat *Riqab*
25. Fungsi Lembaga Pelawat *Riqab*
26. Elaun Lembaga Pelawat *Riqab*

### BAHAGIAN IV

#### PENDAFTARAN *RIQAB* DAN RUMAH PEMULIHAN *RIQAB*

27. Pendaftar *Riqab*
28. Pendaftaran *Riqab*
29. Daftar *Riqab*
30. Pendaftaran Rumah Pemulihan *Riqab*
31. Syarat-syarat tambahan
32. Daftar Rumah Pemulihan *Riqab*

### BAHAGIAN V

#### BANTUAN KEPADA *RIQAB*

33. Bantuan kepada *Riqab*

### BAHAGIAN VI

#### KAWALAN *RIQAB*

34. Tanggungjawab Rumah Pemulihan *Riqab*
35. Pentadbiran Rumah Pemulihan *Riqab*
36. Kuasa Majlis dan orang yang diberi kuasa

## BAHAGIAN VII

### PEMBATALAN PENDAFTARAN *RIQAB* DAN RUMAH PEMULIHAN *RIQAB*

Peraturan

37. Pembatalan pendaftaran *Riqab*
38. Kesan pembatalan pendaftaran *Riqab*
39. Pembatalan pendaftaran Rumah Pemulihan *Riqab*
40. Kesan pembatalan pendaftaran Rumah Pemulihan *Riqab*

## BAHAGIAN VIII

### KEWANGAN

41. Peruntukan kewangan
42. Laporan kewangan
43. Pembukaan akaun bank

## BAHAGIAN IX

### PEMERIKSAAN DAN PENGAUDITAN

44. Pemeriksaan dan pengauditan

## BAHAGIAN X

### PELBAGAI

45. Rayuan kepada Majlis
46. Perwakilan kuasa Majlis
47. Arahan Majlis
48. Kuasa meminda Jadual
49. Pembatalan
50. Kecualian dan peralihan

### JADUAL

**ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM  
(NEGERI SELANGOR) 2003**

**PERATURAN-PERATURAN PENDAFTARAN, PEMULIHAN DAN PENGAWALAN *Riqab*  
(NEGERI SELANGOR) 2022**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 122(2)(k) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 [*Enakmen No. 1/2003*], Majlis Agama Islam Selangor, dengan kelulusan Duli Yang Maha Mulia Sultan, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

**BAHAGIAN I**

**PERMULAAN**

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Peraturan-Peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Pendaftaran, Pemulihan dan Pengawalan *Riqab* (Negeri Selangor) 2022**.

(2) Peraturan-peraturan ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh ia disiarkan dalam *Warta*.

**Pemakaian**

2. Peraturan-Peraturan ini hendaklah terpakai bagi—

- (a) mana-mana *Riqab* yang bermastautin di Negeri Selangor; dan
- (b) Rumah Pemulihan, Rumah Pemulihan *Riqab*, Rumah Pemulihan Majlis dan Rumah Perlindungan Majlis.

**Tafsiran**

3. Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Daftar *Riqab*” ertinya suatu daftar yang mengandungi maklumat berhubung dengan *Riqab* sebagaimana yang ditetapkan oleh Jawatankuasa *Riqab* di bawah peraturan 29;

“Daftar Rumah Pemulihan *Riqab*” ertinya suatu daftar yang mengandungi maklumat berhubung dengan Rumah Pemulihan *Riqab* sebagaimana yang ditetapkan oleh Jawatankuasa *Riqab* di bawah peraturan 32;

“Jawatankuasa *Riqab*” ertinya Jawatankuasa *Riqab* yang ditubuhkan di bawah peraturan 4;

“Lembaga Pelawat *Riqab*” ertinya Lembaga Pelawat *Riqab* yang ditubuhkan di bawah peraturan 19;

“Majlis” ertinya Majlis Agama Islam Selangor yang ditubuhkan di bawah subseksyen 4(1) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003;

“orang” termasuklah orang perseorangan atau suatu kumpulan orang, yang diperbadankan atau tidak diperbadankan;

“pemulihan” ertinya memulihkan *Riqab* secara teratur bagi membebaskan *Riqab* daripada belenggu masalah akidah atau sosial melalui bimbingan, pengajaran, pendidikan, kaunseling, khidmat nasihat, runding cara *istitabah* atau apa-apa kaedah lain sebagaimana yang ditentukan oleh Jawatankuasa *Riqab* dari semasa ke semasa;

“Pendaftar *Riqab*” ertinya Pendaftar *Riqab* yang dilantik oleh Majlis di bawah peraturan 27 termasuklah Ketua Pendaftar *Riqab*;

“Pengerusi” ertinya Pengerusi Jawatankuasa *Riqab*;

“Pengurus” ertinya pengurus atau apa-apa nama lain yang diberikan kepada orang yang dilantik oleh pertubuhan, badan atau syarikat yang mengusahakan Rumah Pemulihan atau Rumah Pemulihan *Riqab* untuk mentadbir urus Rumah Pemulihan atau Rumah Pemulihan *Riqab* itu;

“perlindungan” ertinya melindungi *Riqab* melalui kaedah yang tertentu untuk—

- (a) mengelakkan penyakit atau masalah yang sedang membengggu *Riqab* itu daripada merebak kepada orang lain; dan
- (b) memastikan yang pemulihan terhadap *Riqab* itu berjaya dilaksanakan;

“premis” ertinya apa-apa tempat, yang tidak bergerak atau sebaliknya yang dibangunkan atau didirikan oleh mana-mana orang, sama ada tempat itu ada atau tiada kepungan;

“rawatan” ertinya merawat *Riqab* secara klinikal atau rohaniah;

“*Riqab*” ertinya seseorang yang—

- (a) beragama Islam;
- (b) terbelenggu di bawah suatu kuasa atau keadaan yang menyekat kebebasan dirinya dan dia tidak berupaya untuk membebaskan dirinya daripada belenggu itu; dan
- (c) berhak menerima agihan zakat mengikut Hukum Syarak,

termasuk orang yang disebut dalam Jadual;

“Rumah Pemulihan” ertinya mana-mana premis yang dimiliki atau diuruskan oleh mana-mana orang yang memberikan pemulihan, rawatan dan perlindungan kepada *Riqab*;

“Rumah Pemulihan Majlis” ertinya mana-mana premis yang ditubuhkan atau diuruskan oleh Majlis bagi tujuan mengadakan pemulihan, rawatan dan perlindungan kepada *Riqab* termasuk mana-mana tempat yang diwartakan sebagai pusat pemulihan diluluskan di bawah seksyen 53 Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995 [En. No. 9/1995];

“Rumah Pemulihan *Riqab*” ertinya mana-mana Rumah Pemulihan yang berdaftar sebagai Rumah Pemulihan *Riqab* di bawah Peraturan-Peraturan ini;

“Rumah Perlindungan Majlis” ertinya mana-mana premis yang ditubuhkan atau diuruskan oleh Majlis bagi tujuan memberi perlindungan kepada *Riqab* termasuk mana-mana tempat yang diwartakan sebagai rumah diluluskan di bawah seksyen 53 Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995; dan

“Setiausaha” ertinya Setiausaha Jawatankuasa *Riqab*.

## BAHAGIAN II

### JAWATANKUASA RIQAB

#### **Penubuhan Jawatankuasa *Riqab***

4. Majlis hendaklah menubuhkan suatu jawatankuasa yang dinamakan sebagai Jawatankuasa *Riqab* yang membantu Majlis untuk menguruskan perkara yang berhubungan dengan *Riqab* menurut Peraturan-Peraturan ini.

#### **Keanggotaan Jawatankuasa *Riqab***

5. (1) Jawatankuasa *Riqab* hendaklah terdiri daripada anggota yang berikut:

- (a) seorang Pengerusi daripada kalangan anggota Majlis;
  - (b) seorang Timbalan Pengerusi daripada kalangan anggota Majlis;
  - (c) Mufti atau wakilnya;
  - (d) Penasihat Undang-Undang Negeri atau wakilnya;
  - (e) tidak kurang daripada tiga orang pegawai yang dilantik atas jawatannya daripada mana-mana jabatan atau agensi Kerajaan Persekutuan atau Negeri yang mengadakan pemulihan, rawatan dan perlindungan kepada *Riqab*; dan
  - (f) dua orang yang layak dan sesuai.
- (2) Ketua Pendaftar *Riqab* hendaklah menjadi Setiausaha.

- (3) Setiausaha berhak menghadiri semua mesyuarat Jawatankuasa *Riqab* dan mengambil bahagian dalam pertimbangtelitiannya, tetapi tidak boleh mengundi.

**Tempoh pelantikan anggota Jawatankuasa *Riqab***

6. (1) Pelantikan anggota Jawatankuasa *Riqab* yang dibuat di bawah perenggan 5(1)(a), (b), (e) dan (f) hendaklah berkuat kuasa selama suatu tempoh tidak melebihi tiga tahun dan adalah layak untuk dilantik semula.

(2) Anggota Jawatankuasa *Riqab* yang memegang jawatan yang dinyatakan di bawah perenggan 5(1)(c) dan (d), hendaklah terus menjadi anggota Jawatankuasa *Riqab* melainkan jika dia meletakkan jawatannya atau mengosongkan jawatannya atau pelantikannya bagi jawatan itu dibatalkan atau ditamatkan.

**Penamatan pelantikan anggota Jawatankuasa *Riqab***

7. Pelantikan seseorang anggota Jawatankuasa *Riqab* hendaklah tamat—

- (a) jika dia meninggal dunia;
- (b) jika dia seorang anggota yang dilantik di bawah perenggan 5(1)(a), (b), (e) atau (f), dia menyatakan hasratnya untuk berhenti menjadi anggota Jawatankuasa *Riqab* melalui surat yang dialamatkan kepada Majlis melalui Pengerusi Majlis;
- (c) apabila tamat tempoh pelantikannya; atau
- (d) jika dia tidak berada di Malaysia selama tempoh yang melebihi tiga bulan tanpa kebenaran bertulis daripada Pengerusi.

**Pembatalan pelantikan anggota Jawatankuasa *Riqab***

8. Majlis boleh membatalkan pelantikan mana-mana anggota Jawatankuasa *Riqab* jika—

- (a) dia telah disabitkan atas suatu kesalahan oleh sesuatu mahkamah dan dihukum dengan pemerintahan selama tempoh tidak kurang daripada satu tahun atau denda tidak kurang daripada dua ribu ringgit dan dia tidak mendapat pengampunan penuh;
- (b) kelakuannya, sama ada yang berkaitan dengan fungsinya sebagai anggota Jawatankuasa *Riqab* atau selainnya, adalah kelakuan yang mencemarkan nama baik Majlis atau Jawatankuasa *Riqab*;
- (c) dia diisyiharkan bankrap yang belum dilepaskan;
- (d) dia tidak berupaya menjalankan tugasnya dengan sempurna sebagai anggota Jawatankuasa *Riqab*;

- (e) dia tidak menghadiri mesyuarat tiga kali berturut-turut tanpa alasan yang munasabah pada pendapat Pengerusi; atau
- (f) Majlis, atas apa-apa alasan lain, mendapati bahawa dia tidak lagi layak atau sesuai menjadi anggota Jawatankuasa *Riqab*.

**Pelantikan anggota gantian Jawatankuasa *Riqab***

9. (1) Majlis boleh melantik mana-mana orang untuk mengisi kekosongan mana-mana anggota yang pelantikannya ditamatkan di bawah peraturan 7 atau dibatalkan di bawah peraturan 8.

(2) Pelantikan seseorang yang dibuat di bawah subperaturan (1) hendaklah berkuat kuasa selama baki tempoh pelantikan anggota yang digantinya.

**Fungsi Jawatankuasa *Riqab***

10. Fungsi Jawatankuasa *Riqab* adalah seperti yang berikut:

- (a) membantu dan menasihati Majlis dalam apa-apa perkara yang berkaitan dengan *Riqab* termasuk pengurusan dan pentadbiran Rumah Pemulihan Majlis, Rumah Perlindungan Majlis dan Rumah Pemulihan *Riqab*;
- (b) mengesyorkan pelantikan anggota Lembaga Pelawat *Riqab*;
- (c) mengesyorkan penubuhan Rumah Pemulihan Majlis dan Rumah Perlindungan Majlis;
- (d) meluluskan apa-apa permohonan pendaftaran Rumah Pemulihan *Riqab*;
- (e) membatalkan pendaftaran mana-mana Rumah Pemulihan *Riqab*;
- (f) memantau Rumah Pemulihan Majlis, Rumah Perlindungan Majlis, Rumah Pemulihan *Riqab* dan Rumah Pemulihan berhubung dengan—
  - (i) aktiviti pemulihan, rawatan dan perlindungan;
  - (ii) pengurusan pentadbiran; dan
  - (iii) pengurusan peruntukan kewangan yang diberikan;
- (g) mengesyorkan cadangan, semakan dan pindaan kepada peraturan-peraturan yang berkaitan dengan *Riqab* mengikut keperluan semasa;
- (h) menyemak dan memperakukuan laporan Lembaga Pelawat *Riqab*;
- (i) menyemak dan memperakukuan modul pemulihan yang digunakan untuk *Riqab*;

- (j) merancang dan mencadangkan kepada Majlis apa-apa perkara yang berkaitan dengan pemulihan, rawatan dan perlindungan kepada *Riqab*;
- (k) merancang dan mencadangkan kepada Majlis apa-apa perkara lain yang perlu berkaitan dengan *Riqab*;
- (l) melaksanakan apa-apa fungsi lain yang ditetapkan dalam Peraturan-Peraturan ini; dan
- (m) menerima dan melaksanakan apa-apa arahan yang diberikan oleh Majlis dari semasa ke semasa.

### **Memanggil mesyuarat**

11. (1) Semua mesyuarat Jawatankuasa *Riqab* hendaklah dipanggil oleh Setiausaha.
- (2) Pengurus boleh, pada bila-bila masa, mengarahkan Setiausaha memanggil mesyuarat.
- (3) Mana-mana empat orang anggota Jawatankuasa *Riqab* boleh, pada bila-bila masa secara bertulis, menghendaki Setiausaha supaya memanggil mesyuarat Jawatankuasa *Riqab* dengan syarat mereka memberitahu Setiausaha tujuan mereka menghendaki mesyuarat itu dipanggil.

### **Mesyuarat Jawatankuasa *Riqab***

12. (1) Pengurus, atau dalam masa ketakhadirannya, Timbalan Pengurus hendaklah mempengurusikan mesyuarat Jawatankuasa *Riqab*.
- (2) Jika Pengurus dan Timbalan Pengurus tidak hadir dalam sesuatu mesyuarat, anggota yang hadir hendaklah memilih seorang daripada anggota yang hadir untuk mempengurusikan mesyuarat itu.
- (3) Mesyuarat Jawatankuasa *Riqab* boleh diadakan dengan tetap, tidak lebih daripada empat bulan boleh berlalu antara satu mesyuarat dengan yang berikutnya kecuali dengan arahan Majlis.
- (4) Semua keputusan mesyuarat Jawatankuasa *Riqab* hendaklah dibuat secara persetujuan atau melalui ketetapan majoriti anggota yang hadir dan berhak mengundi dan jika terdapat persamaan undi, pengurus mesyuarat itu hendaklah mempunyai undi pemutus.

### **Kuorum**

13. Tiada urusan, kecuali mengenai penangguhan, boleh dilakukan dalam sesuatu mesyuarat, dan tiada ketetapan atau tindakan Jawatankuasa *Riqab* yang dibuat atau dilaksanakan dalam sesuatu mesyuarat adalah sah melainkan, jika sekurang-kurangnya satu pertiga daripada anggota Jawatankuasa *Riqab* termasuk pengurus mesyuarat, hadir dalam mesyuarat itu.

**Notis**

14. (1) Notis memanggil mesyuarat bagi mana-mana mesyuarat hendaklah dikeluarkan secara bertulis, sekurang-kurangnya tujuh hari bekerja sebelum mesyuarat, tetapi Pengerusi boleh, jika dia berpendapat bahawa ada keperluan mendesak untuk memanggil suatu mesyuarat dengan notis yang singkat, mengarahkan supaya kehendak notis tujuh hari itu diketepikan.

(2) Notis mesyuarat boleh dihantar dengan serahan tangan, pos, faks, e-mel atau apa-apa cara lain yang ditetapkan oleh Pengerusi.

**Kehadiran wakil**

15. Jika anggota yang dilantik di bawah perenggan 5(1)(e) tidak dapat menghadiri sesuatu mesyuarat, anggota itu boleh diwakili oleh pegawai beragama Islam yang paling kanan di jabatan atau agensi yang sama dengannya dalam mesyuarat itu dan berhak mengundi.

**Kehadiran bukan anggota dalam mesyuarat Jawatankuasa *Riqab***

16. (1) Pengerusi boleh mengarahkan Setiausaha untuk menjemput mana-mana orang yang bukan anggota untuk hadir dalam mana-mana mesyuarat, jika perkara di hadapan mesyuarat itu menghendaki kehadiran orang itu.

(2) Seseorang yang dijemput menghadiri mesyuarat di bawah subperaturan (1) berhak mengambil bahagian dalam pertimbangtelitian Jawatankuasa *Riqab* tetapi tidak berhak mengundi.

**Minit**

17. (1) Setiausaha hendaklah menyebabkan minit bagi semua mesyuarat disenggarakan dan disimpan dalam bentuk yang sepatutnya.

(2) Minit yang dicatatkan hendaklah mengandungi rekod bagi tiap-tiap keputusan atau ketetapan yang dibuat oleh Jawatankuasa *Riqab*.

(3) Satu salinan minit yang telah disediakan oleh Setiausaha dan diluluskan oleh Pengerusi atau telah disahkan oleh Jawatankuasa *Riqab* hendaklah dikemukakan kepada Majlis dengan seberapa segera yang boleh dilaksanakan sebagaimana yang ditentukan oleh Setiausaha Majlis.

(4) Tiada keputusan yang dibuat dalam mana-mana mesyuarat boleh diambil tindakan sehingga minit mesyuarat tersebut diluluskan oleh Pengerusi atau telah disahkan oleh Jawatankuasa *Riqab* atau telah dipersetujui oleh Mesyuarat Majlis.

### **Elaun Jawatankuasa *Riqab***

18. Tiap-tiap anggota Jawatankuasa *Riqab* termasuk Setiausaha atau mana-mana orang yang menghadiri mesyuarat boleh dibayar apa-apa elaun sebagaimana yang ditetapkan oleh Majlis.

## **BAHAGIAN III**

### **LEMBAGA PELAWAT *RIQAB***

#### **Penubuhan Lembaga Pelawat *Riqab***

19. Majlis boleh menubuhkan suatu Lembaga Pelawat *Riqab* untuk menjalankan fungsi di bawah Bahagian ini.

#### **Keanggotaan Lembaga Pelawat *Riqab***

20. Anggota Lembaga Pelawat *Riqab* hendaklah dilantik oleh Majlis di atas syor Jawatankuasa *Riqab* dan lembaga itu hendaklah terdiri daripada sekurang-kurangnya tiga orang anggota yang layak dan sesuai.

#### **Tempoh pelantikan anggota Lembaga Pelawat *Riqab***

21. Pelantikan anggota Lembaga Pelawat *Riqab* hendaklah berkuat kuasa selama suatu tempoh tidak melebihi tiga tahun dan adalah layak untuk dilantik semula.

#### **Penamatian pelantikan anggota Lembaga Pelawat *Riqab***

22. Pelantikan seseorang anggota Lembaga Pelawat *Riqab* hendaklah tamat—
- (a) jika dia meninggal dunia;
  - (b) jika dia menyatakan hasratnya untuk berhenti menjadi anggota Lembaga Pelawat *Riqab* melalui surat yang dialamatkan kepada Majlis melalui Pengurus Majlis;
  - (c) apabila tamat tempoh pelantikannya; atau
  - (d) jika dia tidak berada di Malaysia selama tempoh yang melebihi tiga bulan tanpa kebenaran bertulis daripada Pengurus.

### **Pembatalan pelantikan anggota Lembaga Pelawat *Riqab***

23. Majlis boleh membatalkan pelantikan mana-mana anggota Lembaga Pelawat *Riqab* jika—

- (a) dia telah disabitkan atas suatu kesalahan oleh sesuatu mahkamah dan dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh tidak kurang daripada satu tahun atau denda tidak kurang daripada dua ribu ringgit dan dia tidak mendapat pengampunan bebas;
- (b) kelakuannya, sama ada yang berkaitan dengan fungsinya sebagai anggota Lembaga Pelawat *Riqab* atau selainnya, adalah kelakuan yang mencemarkan nama baik Majlis atau Lembaga Pelawat *Riqab*;
- (c) dia diisyiharkan bankrap yang belum dilepaskan; atau
- (d) Majlis, atas apa-apa alasan lain, mendapati bahawa dia tidak lagi sesuai atau layak menjadi anggota Lembaga Pelawat *Riqab*.

### **Pelantikan anggota gantian Lembaga Pelawat *Riqab***

24. (1) Majlis boleh melantik mana-mana orang untuk mengisi kekosongan mana-mana anggota yang pelantikannya ditamatkan di bawah peraturan 22 atau dibatalkan di bawah peraturan 23 Peraturan-Peraturan ini.

(2) Pelantikan seseorang yang dibuat di bawah subperaturan (1) hendaklah berkuat kuasa selama baki tempoh pelantikan anggota yang digantinya.

### **Fungsi Lembaga Pelawat *Riqab***

25. Fungsi Lembaga Pelawat *Riqab* berkenaan dengan Rumah Pemulihan Majlis, Rumah Perlindungan Majlis dan Rumah Pemulihan *Riqab* adalah seperti yang berikut:

- (a) membuat lawatan dan pemantauan;
- (b) mencadangkan kepada Jawatankuasa *Riqab* berhubung dengan—
  - (i) apa-apa program yang sesuai bagi—
    - (A) penambahbaikan pengurusan Rumah Pemulihan Majlis, Rumah Perlindungan Majlis dan Rumah Pemulihan *Riqab*; dan
    - (B) pemulihan *Riqab*;

- (ii) pendaftaran mana-mana Rumah Pemulihan sebagai Rumah Pemulihan *Riqab* atau pembatalan pendaftaran Rumah Pemulihan *Riqab*;
  - (iii) pembatalan pendaftaran *Riqab* dalam Daftar *Riqab* disebabkan *Riqab* itu telah bebas daripada belenggu masalah akidah atau sosial; dan
- (c) mengemukakan laporan pemantauan dan laporan lain yang diarahkan oleh Jawatankuasa *Riqab* dari semasa ke semasa.

### **Elaun Lembaga Pelawat *Riqab***

26. Tiap-tiap anggota Lembaga Pelawat *Riqab* boleh dibayar apa-apa elauan sebagaimana yang ditetapkan oleh Majlis.

## BAHAGIAN IV

### PENDAFTARAN RIQAB DAN RUMAH PEMULIHAN RIQAB

#### **Pendaftar *Riqab***

27. Majlis hendaklah melantik seorang Ketua Pendaftar *Riqab* dan beberapa orang Pendaftar *Riqab* untuk menyenggara Daftar *Riqab*.

#### **Pendaftaran *Riqab***

28. (1) Mana-mana orang boleh memohon kepada Pendaftar *Riqab* untuk didaftarkan sebagai *Riqab* dalam Daftar *Riqab*.

(2) Permohonan di bawah subperaturan (1) hendaklah dibuat dalam bentuk yang ditentukan oleh Jawatankuasa *Riqab*.

(3) Permohonan seseorang yang belum mencapai umur lapan belas tahun hendaklah dibuat melalui ibu atau bapa atau penjaganya.

(4) Pendaftar *Riqab* boleh meminta apa-apa maklumat yang difikirkannya perlu berhubung dengan permohonan di bawah subperaturan (1).

(5) Jika Pendaftar *Riqab* berpuas hati bahawa pemohon itu telah memenuhi kriteria *Riqab* mengikut Hukum Syarak, Pendaftar *Riqab* boleh mendaftarkan pemohon itu sebagai *Riqab* dalam Daftar *Riqab*.

(6) Bagi tujuan subperaturan (5), Pendaftar *Riqab* hendaklah memastikan bahawa—

(a) pemohon itu ialah seorang Islam;

(b) pemohon itu mempunyai hasrat untuk membebaskan dirinya daripada belenggu masalah akidah atau sosial;

- (c) jika pemohon itu seorang kanak-kanak, ibu atau bapa atau penjaganya hendaklah mempunyai hasrat untuk membebaskan diri kanak-kanak itu daripada belenggu masalah akidah atau sosial; dan
- (d) pemohon itu tidak mempunyai sumber kewangan yang mencukupi untuk dirinya menurut had kifayah semasa yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Fatwa dan tidak mendapat bantuan daripada sumber yang lain.

(7) Walau apa pun subperaturan (5), jika mana-mana mahkamah memerintahkan mana-mana orang untuk dikomitkan ke Rumah Pemulihan Majlis, Rumah Perlindungan Majlis atau Rumah Pemulihan *Riqab*, perintah itu adalah mencukupi untuk mendaftarkan orang itu sebagai *Riqab* dalam Daftar *Riqab*.

(8) Jika mana-mana orang selain orang yang dinyatakan di bawah subperaturan (7) telah diterima masuk ke Rumah Pemulihan *Riqab* sebelum dia didaftarkan dalam Daftar *Riqab*, dia hendaklah, dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh kemasukannya ke rumah itu, membuat permohonan menurut subperaturan (1).

(9) Pendaftar *Riqab* hendaklah, setelah mendaftarkan mana-mana orang sebagai *Riqab* dalam Daftar *Riqab*, mengeluarkan suatu perakuan pendaftaran sebagaimana yang ditentukan oleh Jawatankuasa *Riqab*.

(10) Mana-mana *Riqab* yang didaftarkan di bawah peraturan ini hendaklah disifatkan sebagai *Riqab* di bawah Peraturan-Peraturan Zakat dan Fitrah (Negeri Selangor) 2012 [Sel. P.U. 47/2012].

### **Daftar *Riqab***

29. (1) Pendaftar *Riqab* hendaklah memastikan supaya Daftar *Riqab* disimpan mengikut apa-apa cara sebagaimana yang ditetapkan oleh Jawatankuasa *Riqab*.

(2) Daftar *Riqab* hendaklah mengandungi maklumat peribadi *Riqab* dan apa-apa maklumat lain yang difikirkan perlu oleh Jawatankuasa *Riqab*.

(3) Pendaftar *Riqab* boleh meminda maklumat dalam Daftar *Riqab* bagi tujuan membetulkan sesuatu maklumat itu dan mengemas kini Daftar *Riqab* dari semasa ke semasa.

### **Pendaftaran Rumah Pemulihan *Riqab***

30. (1) Pengurus bagi mana-mana Rumah Pemulihan boleh memohon kepada Jawatankuasa *Riqab* untuk didaftarkan sebagai Rumah Pemulihan *Riqab*.

(2) Permohonan di bawah subperaturan (1) hendaklah dibuat dalam bentuk yang ditentukan oleh Jawatankuasa *Riqab* dan disertakan dengan—

- (a) salinan diakui sah kad pengenalan Pengurus;

- (b) salinan perakuan pendaftaran yang dikeluarkan oleh agensi yang mendaftarkan pertubuhan, syarikat atau badan yang mengusahakan Rumah Pemulihan;
- (c) butir-butir berhubung dengan—
  - (i) nama, logo, alamat operasi dan alamat surat-menyurat pertubuhan, syarikat atau badan yang mengusahakan Rumah Pemulihan; dan
  - (ii) sumber kewangan bagi operasi dan pengurusan Rumah Pemulihan;
- (d) salinan perlembagaan atau surat cara yang menyatakan objektif dan tatacara pengawalan pertubuhan, syarikat atau badan yang mengusahakan Rumah Pemulihan;
- (e) salinan surat pengesahan daripada pihak berkuasa yang berkaitan berhubung dengan kesesuaian dan keselamatan premis yang digunakan;
- (f) maklumat berhubung dengan—
  - (i) pemegang saham dan anggota syarikat atau pemilik syarikat, mengikut mana-mana yang berkenaan; atau
  - (ii) jawatankuasa pengurusan tertinggi pertubuhan atau badan; dan
- (g) maklumat lain yang ditetapkan oleh Jawatankuasa *Riqab*.

(3) Suatu lawatan ke Rumah Pemulihan hendaklah dibuat oleh Lembaga Pelawat *Riqab* berdasarkan permohonan di bawah subperaturan (1) dan Lembaga Pelawat *Riqab* boleh meminta apa-apa maklumat yang difikirkannya perlu berhubung dengan permohonan itu.

(4) Lembaga Pelawat *Riqab* hendaklah mengemukakan suatu laporan mengenai lawatan yang telah dibuat dan mencadangkan kepada Jawatankuasa *Riqab* sama ada Rumah Pemulihan itu boleh didaftarkan sebagai Rumah Pemulihan *Riqab* atau sebaliknya.

(5) Jawatankuasa *Riqab* hendaklah mengambil kira laporan dan cadangan Lembaga Pelawat *Riqab* dalam mempertimbangkan permohonan pendaftaran mana-mana Rumah Pemulihan sebagai Rumah Pemulihan *Riqab*.

(6) Permohonan di bawah subperaturan (1) adalah tidak layak untuk dipertimbangkan sebagai Rumah Pemulihan *Riqab* jika—

- (a) pertubuhan, syarikat atau badan yang mengusahakan atau menguruskan Rumah Pemulihan itu tidak mematuhi kehendak undang-undang;
- (b) premis yang digunakan tidak sesuai atau tidak selamat sebagai Rumah Pemulihan;
- (c) premis yang digunakan tidak mematuhi kehendak undang-undang; atau

(d) operasi Rumah Pemulihan itu bukan bertujuan untuk memberi pemulihan, rawatan atau perlindungan kepada *Riqab*.

(7) Jawatankuasa *Riqab* boleh mengecualikan kehendak di bawah perenggan (6)(c) jika Jawatankuasa *Riqab* berpuas hati bahawa terdapat hal keadaan khas untuk berbuat demikian dengan syarat ia tidak bertentangan dengan Hukum Syarak dan kepentingan awam.

### **Syarat-syarat tambahan**

31. Jawatankuasa *Riqab* boleh menetapkan syarat-syarat tambahan yang perlu dipatuhi oleh Pengurus sebelum mendaftarkan mana-mana Rumah Pemulihan sebagai Rumah Pemulihan *Riqab*.

### **Daftar Rumah Pemulihan *Riqab***

32. (1) Pendaftar *Riqab* hendaklah memastikan supaya Daftar Rumah Pemulihan *Riqab* disimpan mengikut apa-apa cara yang ditetapkan oleh Jawatankuasa *Riqab*.

(2) Pendaftar *Riqab* hendaklah mendaftarkan mana-mana Rumah Pemulihan yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa *Riqab* dalam Daftar Rumah Pemulihan *Riqab*.

(3) Daftar Rumah Pemulihan *Riqab* hendaklah mengandungi—

(a) maklumat peribadi Pengurus;

(b) alamat Pengurus;

(c) alamat Rumah Pemulihan *Riqab* itu; dan

(d) apa-apa maklumat lain yang difikirkan perlu oleh Jawatankuasa *Riqab*.

(4) Pendaftar *Riqab* hendaklah mengeluarkan suatu perakuan pendaftaran dalam apa-apa bentuk yang ditetapkan oleh Jawatankuasa *Riqab*.

(5) Pendaftar *Riqab* boleh meminda maklumat dalam Daftar Rumah Pemulihan *Riqab* bagi tujuan membetulkan sesuatu maklumat itu dan mengemas kini Daftar Rumah Pemulihan *Riqab* dari semasa ke semasa.

### **BAHAGIAN V**

#### **BANTUAN KEPADA *RIQAB***

### **Bantuan kepada *Riqab***

33. (1) *Riqab* yang didaftarkan dalam Daftar *Riqab* layak mendapat—

(a) bantuan pemulihan;

- (b) bantuan rawatan;
- (c) bantuan perlindungan; atau
- (d) bantuan lain bagi tujuan menjaga kebajikan *Riqab*,

melalui mana-mana—

- (i) Rumah Pemulihan Majlis;
- (ii) Rumah Perlindungan Majlis;
- (iii) Rumah Pemulihan *Riqab*;
- (iv) Rumah Pemulihan yang ditentukan oleh Jawatankuasa *Riqab*;
- (v) orang yang ditentukan oleh Jawatankuasa *Riqab* atau Pendaftar *Riqab*; atau
- (vi) orang yang diwakilkan kuasa oleh Majlis di bawah Peraturan-Peraturan ini.

(2) Bantuan rawatan secara rohaniah boleh diberikan kepada *Riqab* oleh mana-mana orang yang ditentukan oleh Jawatankuasa *Riqab*.

(3) Jawatankuasa *Riqab* atau mana-mana orang yang diwakilkan kuasa oleh Majlis boleh menentukan apa-apa bantuan lain bagi tujuan menjaga kebajikan *Riqab* kepada mana-mana *Riqab* yang telah didaftarkan dalam Daftar *Riqab*.

(4) Walau apa pun subperaturan (1), Pendaftar *Riqab* boleh, menurut budi bicaranya, memberikan bantuan yang difikirkan perlu kepada mana-mana *Riqab* yang belum didaftarkan dalam Daftar *Riqab* dengan syarat dia hendaklah memenuhi kriteria *Riqab* mengikut Hukum Syarak.

(5) Bantuan yang diberikan kepada *Riqab* hendaklah terhad kepada pemulihan atau perlindungan jika *Riqab* itu—

- (a) mempunyai sumber kewangan yang mencukupi untuk dirinya menurut had kifayah semasa yang telah ditetapkan oleh Jawatankuasa Fatwa; dan
- (b) mendapat bantuan daripada sumber lain.

(6) Jika *Riqab* itu telah mendaftar masuk secara sukarela atau dikomitkan dengan perintah mahkamah ke Rumah Pemulihan Majlis, Rumah Perlindungan Majlis atau Rumah Pemulihan *Riqab*, bantuan kepada *Riqab* boleh diberikan kepada mana-mana rumah di mana *Riqab* itu mendaftar masuk atau dikomitkan.

---

## BAHAGIAN VI

### KAWALAN *RIQAB*

#### **Tanggungjawab Rumah Pemulihan *Riqab***

34. Setiap Rumah Pemulihan *Riqab* hendaklah melaksanakan tanggungjawab berikut:

- (a) mengadakan suatu daftar untuk merekodkan pendaftaran masuk dan keluar *Riqab*;
- (b) mengadakan pemulihan, rawatan dan perlindungan *Riqab* dengan cara yang sewajarnya;
- (c) meningkatkan kemajuan *Riqab* melalui pendekatan *dakwah bil hikmah*;
- (d) menguruskan sumber kewangan secara cekap dan optimum;
- (e) memaklumkan kepada Jawatankuasa *Riqab* apa-apa perubahan maklumat berhubung dengan pendaftaran Rumah Pemulihan *Riqab*;
- (f) mengemukakan laporan kepada Jawatankuasa *Riqab* berhubung dengan—
  - (i) jumlah dan maklumat peribadi *Riqab* yang berada di Rumah Pemulihan *Riqab* itu;
  - (ii) bantuan kewangan yang diterima oleh Rumah Pemulihan *Riqab* itu daripada mana-mana pihak selain bantuan yang diterima di bawah Peraturan-Peraturan ini dan penggunaan bantuan kewangan itu; dan
  - (iii) aktiviti yang dijalankan di Rumah Pemulihan *Riqab* itu;
- (g) memastikan keselamatan penghuni dan Rumah Pemulihan *Riqab* dengan mewujudkan prosedur keselamatan;
- (h) menjaga nama baik Majlis sebagai pihak berkuasa utama dalam hal ehwal agama Islam di Negeri Selangor;
- (i) mematuhi segala kehendak undang-undang yang berkuat kuasa; dan
- (j) mematuhi apa-apa arahan Majlis berhubung dengan pengurusan Rumah Pemulihan *Riqab*.

#### **Pentadbiran Rumah Pemulihan *Riqab***

35. Jawatankuasa *Riqab* boleh mengeluarkan apa-apa garis panduan berhubung dengan pentadbiran dan pengurusan Rumah Pemulihan *Riqab* bagi maksud untuk melaksanakan Peraturan-Peraturan ini.

### Kuasa Majlis dan orang yang diberi kuasa

36. (1) Majlis atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Majlis hendaklah memastikan Rumah Pemulihan Majlis, Rumah Perlindungan Majlis atau Rumah Pemulihan *Riqab* melaksanakan tanggungjawabnya seperti yang berikut:

- (a) memastikan *Riqab* menyertai semua program rawatan dan pemulihan;
- (b) menggunakan bantuan yang diterima di bawah peraturan 33 sebagaimana yang sepatutnya; dan
- (c) mematuhi perkara-perkara lain yang diarahkan oleh Majlis.

(2) Majlis atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Majlis boleh, pada bila-bila masa, memeriksa premis Rumah Pemulihan *Riqab* itu untuk memastikan bahawa—

- (a) kesihatan dan kesejahteraan *Riqab* di Rumah Pemulihan *Riqab* adalah baik;
- (b) daftar, rekod dan akaun disenggara dengan baik;
- (c) kemudahan yang disediakan adalah mencukupi dan sesuai;
- (d) premis Rumah Pemulihan *Riqab* itu disenggara dengan baik;
- (e) prosedur keselamatan penghuni dan Rumah Pemulihan *Riqab* dipatuhi; dan
- (f) perkara-perkara lain yang ditetapkan oleh Majlis dilaksanakan.

### BAHAGIAN VII

#### PEMBATALAN PENDAFTARAN *RIQAB* DAN RUMAH PEMULIHAN *RIQAB*

##### Pembatalan pendaftaran *Riqab*

37. (1) Pendaftar *Riqab* boleh, dari semasa ke semasa, membuat penilaian terhadap keadaan *Riqab* yang telah didaftarkan dalam Daftar *Riqab* bagi menentukan bahawa *Riqab* itu telah bebas daripada belenggu masalah akidah atau sosial.

(2) Pendaftar *Riqab* hendaklah membatalkan pendaftaran mana-mana *Riqab* dalam Daftar *Riqab* jika dia telah dinilai sebagai seorang yang telah bebas daripada belenggu masalah akidah atau sosial.

(3) Walau apa pun subperaturan (1) dan (2), *Riqab* yang telah selesai menjalani hukuman yang diperintahkan oleh mahkamah di Rumah Pemulihan Majlis, Rumah Perlindungan Majlis atau Rumah Pemulihan *Riqab* tidak boleh dibatalkan pendaftarannya dalam Daftar *Riqab* jika dia masih belum bebas daripada apa-apa belenggu masalah akidah atau sosial.

(4) Pendaftaran bagi *Riqab* yang disebut di bawah subperaturan (3) hanya boleh dibatalkan jika Pendaftar *Riqab* telah membuat penilaian dan berpuas hati bahawa *Riqab* itu telah bebas daripada belenggu masalah akidah atau sosial.

#### **Kesan pembatalan pendaftaran *Riqab***

38. Apa-apa bantuan yang diberikan kepada *Riqab* di bawah Peraturan-Peraturan ini hendaklah ditamatkan jika pendaftaran *Riqab* itu telah dibatalkan di bawah peraturan 37.

#### **Pembatalan pendaftaran Rumah Pemulihan *Riqab***

39. (1) Jawatankuasa *Riqab* boleh membatalkan pendaftaran sesuatu Rumah Pemulihan *Riqab* jika—

- (a) pendaftaran Rumah Pemulihan *Riqab* itu dibatalkan atau dibubarkan oleh agensi yang mendaftarkan pertubuhan, syarikat atau badan yang mengusahakan rumah itu;
- (b) Rumah Pemulihan *Riqab* itu tidak dibenarkan menjalankan operasinya oleh mana-mana undang-undang yang berkuat kuasa;
- (c) berlaku apa-apa pelanggaran, atau ketidakpatuhan mana-mana peruntukan Peraturan-Peraturan ini;
- (d) Jawatankuasa *Riqab*, atas budi bicaranya, berpendapat adalah wajar untuk membatalkan pendaftaran Rumah Pemulihan *Riqab* demi kepentingan awam;
- (e) Pengurus Rumah Pemulihan *Riqab* telah disabitkan atas suatu kesalahan oleh mahkamah dan dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh tidak kurang daripada satu tahun atau denda tidak kurang daripada dua ribu ringgit dan dia tidak mendapat pengampunan penuh; atau
- (f) berlaku penyalahgunaan kewangan yang diberikan kepada Rumah Pemulihan *Riqab* sama ada kewangan itu diberikan oleh Majlis atau agensi lain.

(2) Jika berlaku pelanggaran peruntukan di bawah Peraturan-Peraturan ini, Pendaftar *Riqab* hendaklah memberi notis bertulis kepada Pengurus bagi Rumah Pemulihan *Riqab* itu dengan menyatakan butir-butir pelanggaran peraturan yang berkaitan dan menghendaki Pengurus itu, dalam tempoh masa tidak kurang daripada empat belas hari dari tarikh notis itu diterima atau apa-apa tempoh lanjutan yang diberikan oleh Pendaftar *Riqab*, untuk—

- (a) meremedikan pelanggaran peraturan itu; atau
- (b) memberikan penjelasan bertulis berhubung dengan alasan pelanggaran peraturan itu.

(3) Jika Pengurus bagi Rumah Pemulihan *Riqab* itu gagal untuk mengambil tindakan di bawah subperaturan (2), Jawatankuasa *Riqab* boleh membatalkan pendaftaran Rumah Pemulihan *Riqab* berkenaan dan memberikan apa-apa arahan yang sewajarnya.

(4) Tertakluk kepada subperaturan (1), Jawatankuasa *Riqab* boleh membatalkan pendaftaran Rumah Pemulihan *Riqab* tanpa memberikan apa-apa alasan.

(5) Apa-apa keputusan Jawatankuasa *Riqab* di bawah peraturan ini hendaklah dimaklumkan kepada Pengurus Rumah Pemulihan *Riqab* yang berkaitan.

#### **Kesan pembatalan pendaftaran Rumah Pemulihan *Riqab***

40. (1) Dengan pembatalan pendaftaran Rumah Pemulihan *Riqab*,—

(a) apa-apa bantuan yang diberikan kepada Rumah Pemulihan *Riqab* di bawah Peraturan-Peraturan ini hendaklah ditamatkan;

(b) Setiausaha berhak—

(i) memaklumkan kepada mana-mana pihak berkuasa yang berkenaan mengenai keadaan premis Rumah Pemulihan *Riqab* yang tidak selamat untuk digunakan; atau

(ii) mencadangkan kepada mana-mana pihak berkuasa yang berkenaan—

(A) pemberhentian operasi Rumah Pemulihan *Riqab* itu; atau

(B) pembatalan atau pembubaran pendaftaran pertubuhan, agensi atau badan yang mengusahakan Rumah Pemulihan *Riqab* itu.

(2) Walau apa pun subperaturan (1), Jawatankuasa *Riqab* hendaklah mengambil apa-apa langkah yang perlu untuk melindungi *Riqab* di Rumah Pemulihan *Riqab* yang telah dibatalkan di bawah peraturan 39.

#### **BAHAGIAN VIII**

##### **KEWANGAN**

#### **Peruntukan kewangan**

41. (1) Majlis hendaklah memperuntukkan sejumlah wang daripada hasil pungutan zakat untuk memberikan bantuan bagi tujuan pemulihan, rawatan, perlindungan dan kebajikan kepada *Riqab*.

(2) Peruntukan kewangan di bawah subperaturan (1) hendaklah dianggap sebagai agihan zakat di bawah Peraturan-Peraturan Zakat dan Fitrah (Negeri Selangor) 2012.

### **Laporan kewangan**

42. (1) Setiap Rumah Pemulihan *Riqab* hendaklah mengemukakan kepada Jawatankuasa *Riqab* suatu penyata kewangan beraudit yang telah diserahkan kepada agensi yang mendaftarkan pertubuhan, syarikat atau badan yang mengusahakan Rumah Pemulihan *Riqab* itu.

(2) Jika mana-mana Rumah Pemulihan menerima bantuan di bawah Peraturan-Peraturan ini, Jawatankuasa *Riqab* boleh mengarahkan Pengurus bagi Rumah Pemulihan itu mengemukakan suatu laporan kewangan yang menyatakan penggunaan bantuan kewangan yang diterima.

### **Pembukaan akaun bank**

43. Setiap Rumah Pemulihan *Riqab* hendaklah membuka suatu akaun perbankan Islam atas nama pertubuhan, syarikat atau badan yang mengusahakan Rumah Pemulihan *Riqab* itu bagi tujuan mendepositkan terimaan tunai atau wang manfaat bagi Rumah Pemulihan *Riqab* itu.

## BAHAGIAN IX

### PEMERIKSAAN DAN PENGAUDITAN

#### **Pemeriksaan dan pengauditan**

44. Pada bila-bila masa yang munasabah, Jawatankuasa *Riqab* atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Majlis boleh—

- (a) menjalankan pemeriksaan atau pengauditan ke atas—
  - (i) pentadbiran dan pengurusan mana-mana Rumah Pemulihan *Riqab*; atau
  - (ii) apa-apa rekod kewangan dan dokumen lain berkaitan dengan pengurusan kewangan Rumah Pemulihan *Riqab*; atau
- (b) menghendaki Pengurus bagi mana-mana Rumah Pemulihan *Riqab* supaya menyediakan atau mengemukakan rekod kewangan atau dokumen lain yang dinyatakan di bawah perenggan (a).

## BAHAGIAN X

### PELBAGAI

#### **Rayuan kepada Majlis**

45. (1) Jika mana-mana—

- (a) *Riqab* terkilan dengan apa-apa keputusan Pendaftar *Riqab* berkaitan dengan pembatalan pendaftaran *Riqab*; atau

- (b) Pengurus bagi Rumah Pemulihan *Riqab* terkilan dengan apa-apa keputusan Jawatankuasa *Riqab* berkaitan dengan pembatalan pendaftaran Rumah Pemulihan *Riqab*,

dia boleh, dalam masa empat belas hari dari tarikh dia menerima keputusan Pendaftar *Riqab* atau Jawatankuasa *Riqab* itu, merayu secara bertulis kepada Majlis.

(2) Majlis boleh, setelah mempertimbangkan rayuan di bawah subperaturan (1), menerima atau menolak rayuan itu dan keputusan Majlis terhadap rayuan itu adalah muktamad.

#### **Perwakilan kuasa Majlis**

46. (1) Walau apa pun peruntukan dalam Peraturan-Peraturan ini, Majlis boleh, melalui ketetapan dan tertakluk kepada syarat-syarat dan sekatan-sekatan yang difikirkan patut oleh Majlis, mewakilkan kepada mana-mana orang untuk menjalankan kuasanya di bawah peraturan 36.

(2) Penjalanan kuasa-kuasa di bawah subperaturan (1) hendaklah tertakluk kepada kawalan dan arahan Majlis.

#### **Arahan Majlis**

47. Majlis boleh, dari semasa ke semasa, mengeluarkan apa-apa arahan bagi maksud Peraturan-Peraturan ini.

#### **Kuasa meminda Jadual**

48. Majlis boleh, melalui pemberitahuan dalam *Warta*, meminda Jadual.

#### **Pembatalan**

49. Peraturan-Peraturan Pendaftaran, Pemulihan dan Pengawalan *Riqab* (Negeri Selangor) 2013 [Sel. P.U. 63/2013] dibatalkan.

#### **Kecualian dan peralihan**

50. (1) Apa-apa perkara yang berbangkit daripada—

- (a) pendaftaran *Riqab*;
- (b) pendaftaran Rumah Pemulihan *Riqab*;
- (c) bantuan kepada *Riqab*; dan
- (d) bantuan kepada Rumah Pemulihan *Riqab*,

yang masih belum selesai pada tarikh permulaan kuat kuasa Peraturan-Peraturan ini hendaklah diuruskan sebagaimana yang dinyatakan dalam Peraturan-Peraturan ini.

(2) Semua daftar, borang, notis, perakuan, kebenaran, rekod, catatan, pengesahan, pelantikan dan pembatalan pelantikan yang dikeluarkan atau dibuat atau diberikan di bawah Peraturan-Peraturan yang dibatalkan hendaklah terus berkuat kuasa, setakat yang tidak bertentangan dengan Peraturan-Peraturan ini, sehingga dibatalkan oleh daftar, borang, notis, perakuan, kebenaran, rekod, catatan, pengesahan dan pelantikan yang dikeluarkan atau dibuat atau diberikan di bawah Peraturan-Peraturan ini.

(3) Mana-mana Rumah Pemulihan *Riqab* yang telah didaftarkan di bawah Peraturan-Peraturan yang dibatalkan hendaklah, dalam tempoh tiga bulan selepas Peraturan-Peraturan ini berkuat kuasa, mengemukakan suatu pengesahan kepada Pendaftar *Riqab*, butiran peribadi dan alamat Pengurus bagi Rumah Pemulihan *Riqab* itu.

(4) Pengusaha bagi Rumah Pemulihan *Riqab* yang telah didaftarkan di bawah Peraturan-Peraturan yang dibatalkan hendaklah, sebelum pengesahan dibuat kepada Pendaftar *Riqab* di bawah subperaturan (3), menjalankan tanggungjawab sebagai Pengurus di bawah Peraturan-Peraturan ini.

#### JADUAL

#### (Peraturan 3)

#### SENARAI RIQAB

(1) *Riqab* termasuklah—

- (a) Orang yang menghadapi masalah akidah seperti yang berikut:
  - (i) Terbelenggu dengan amalan atau ajaran yang bertentangan dengan ajaran Islam yang sebenar menurut pegangan Ahli Sunah Waljamaah.
  - (ii) Memerlukan pemulihan atau pemurnian akidah.
  - (iii) Terlibat dengan ancaman akidah.
- (b) Orang yang menghadapi masalah sosial seperti yang berikut:
  - (i) Terbelenggu dengan dadah.
  - (ii) Terbelenggu dengan jenayah Syariah.
  - (iii) Terbelenggu dengan cara hidup yang bertentangan dengan ajaran Islam yang sebenar menurut pegangan Ahli Sunah Waljamaah.

- (iv) Terbelenggu dengan aktiviti transeksual atau transgender.
  - (v) Terbelenggu dengan penyakit kronik yang disebabkan oleh keterlibatan mereka dalam masalah sosial.
  - (vi) Mangsa kesalahan seksual.
  - (vii) Mangsa keganasan rumahtangga.
  - (viii) Kanak-kanak yang terbelenggu dengan kesalahan jenayah.
- (c) Mana-mana orang lain yang layak menerima agihan zakat daripada peruntukan asnaf *Riqab* sebagaimana yang diputuskan oleh fatwa.

(2) Tertakluk kepada fatwa semasa, mana-mana orang yang disebut dalam perenggan (1) tidak layak menerima agihan zakat jika fatwa itu menyatakan sedemikian.

Dibuat 10 Februari 2022  
[MAIS.100-1/2/5; P.U. Sel. ADV.PS (S) 05/1/9]

TAN SRI DATO' SERI ABDUL AZIZ BIN MOHD YUSOF  
*Pengerusi*  
*Majlis Agama Islam Selangor*

**ADMINISTRATION OF THE RELIGION OF ISLAM  
(STATE OF SELANGOR) ENACTMENT 2003**

**REGISTRATION, REHABILITATION AND CONTROL OF *RIQAB*  
(STATE OF SELANGOR) REGULATIONS 2022**

**ARRANGEMENT OF REGULATIONS**

**PART I**

**PRELIMINARY**

**Regulation**

1. Citation and commencement
2. Application
3. Interpretation

**PART II**

***Riqab Committee***

4. Establishment of *Riqab* Committee
5. Membership of *Riqab* Committee
6. Tenure of appointment of member of *Riqab* Committee
7. Termination of appointment of member of *Riqab* Committee
8. Revocation of appointment of member of *Riqab* Committee
9. Appointment of alternate member of *Riqab* Committee
10. Functions of *Riqab* Committee
11. Summon a meeting
12. Meeting of *Riqab* Committee
13. Quorum
14. Notice
15. Attendance of representative
16. Attendance of non-member in meetings of *Riqab* Committee
17. Minutes
18. Allowances of *Riqab* Committee

**PART III**

***RIQAB VISITING BOARD***

Regulation

19. Establishment of *Riqab* Visiting Board
20. Membership of *Riqab* Visiting Board
21. Tenure of appointment of member of *Riqab* Visiting Board
22. Termination of appointment of member of *Riqab* Visiting Board
23. Revocation of appointment of member of *Riqab* Visiting Board
24. Appointment of alternate member of *Riqab* Visiting Board
25. Functions of *Riqab* Visiting Board
26. Allowances of *Riqab* Visiting Board

**PART IV**

